



LAWATAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN) MIRI KE SPE

Seramai kira-kira 30 orang kakitangan LHDN (Miri) telah melawat SPE pada 26 Mei 2008. Lawatan tersebut disertai oleh kakitangan dari pelbagai jawatan. Sesi taklimat berkaitan Sekolah Perniagaan & Ekonomi telah diberikan oleh Timb. Dekan (HEP & Akademik) Pg. Hassanal Bahar Pg. Bagul yang menyentuh perkembangan SPE dan pelbagai bidang pengajian yang ditawarkan. Dalam ucapan balas oleh wakil LHDN, mereka berminat untuk menyambung peluang pengajian khususnya di peringkat pra siswazah melalui program-program yang berkaitan. Turut mengiringi rombongan pelawat ialah Pn. Hayati Salleh Baihaki dari Bahagian Perhubungan Korporat UMS yang turut membawa rombongan melawat Muzium Marin dan Galeri UMS.